



PRUDENTIAL

PRU Live Well

Jaminan yang *berpanjangan*

Pendapatan dan bayaran yang dijamin
apabila berlaku kehilangan upaya dan kematian

Mendengar. Memahami. Melaksana.



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U)
Ahli PIDM

Jaminan Sepanjang Hayat Untuk Kehidupan Anda

PRULive Well, teman seumur hidup yang memberikan jaminan yang berpanjangan.

Lindungi masa depan anda dengan pendapatan bulanan yang dijamin apabila kehilangan upaya menghalang anda daripada melakukan pelbagai Aktiviti Kehidupan Harian (ADL). Pastikan kehidupan anda dijamin dengan sokongan kewangan yang mampu meringankan beban orang kesayangan anda.



Ringkasan Manfaat



Pulangan 100% premium pada kematangan dengan pilihan tempoh polisi sehingga umur 80, 90, dan 100 tahun¹

Terima bayaran balik jumlah premium yang telah dibayar² pada kematangan (tolak sebarang Manfaat Pendapatan Bulanan yang telah dibayar).



Manfaat Pendapatan Bulanan (MIB) sehingga 20 tahun³ apabila berlaku kehilangan upaya untuk menyediakan pilihan bagi bantuan kehidupan

- Terima 50% daripada MIB apabila tidak dapat melakukan 2 ADL⁴
- Terima 100% daripada MIB apabila tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya 3 ADL⁴



Tinggalkan legasi anda dengan 250 kali ganda Manfaat Pendapatan Bulanan sebagai manfaat kematian

Nikmati Diskaun Jumlah Diinsuranskan yang Besar (LSAD⁵) sehingga 12% apabila anda memilih perlindungan yang lebih tinggi.



Pengecualian premium apabila berlaku kehilangan upaya⁴ bagi memastikan perlindungan yang berterusan

Nota:

¹Merujuk kepada Ulang Tahun Polisi pada umur 80, 90 dan 100 tahun.


²Termasuk bahagian premium yang telah dikesualkan (jika ada), tidak termasuk premium tambahan yang dikenakan untuk hayat sub-standard dan cukai (jika berkenaan) dan akan dikira berdasarkan kekerapan pembayaran premium terkini yang dipilih.

³Pembayaran MIB akan mengurangkan Manfaat Kematian dan Manfaat Kematangan. Manfaat ini akan dibayar sehingga 20 tahun; kematangan polisi; penyerahan atau kematian, mana-mana yang terawal.

⁴Ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya 2 atau 3 ADL mesti berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan menyebabkan ketidakupayaan tetap untuk melakukan ADL yang dinyatakan.

⁵LSAD adalah 8% untuk MIB antara RM5,000 hingga RM7,900; dan 12% untuk MIB RM8,000 dan ke atas.

Bagaimana PRULive Well berfungsi?



Paul, berumur 40 tahun, membeli plan PRULive Well dengan perlindungan sehingga umur 90 tahun.
 Premium bulanan = RM3,003, sehingga 20 tahun
 Manfaat Pendapatan Bulanan (MIB) = RM8,000, sehingga 20 tahun
 Manfaat Kematian = RM2 juta

Paul mengalami kejatuhan yang teruk dan tidak dapat melakukan 2 ADL.

Paul mengalami stroke dan kini tidak dapat melakukan 1 ADL tambahan.



Pengalihan




Pergerakan



Berpakaian

Malangnya, dia meninggal dunia akibat keadaan kesihatan yang semakin merosot.



Jika Paul hidup sehingga akhir tempoh polisinya:

Paul akan menerima bayaran balik sekaligus untuk jumlah premium yang telah dibayar² (~RM720 ribu), tolak sebarang MIB yang telah dibayar.

Ini bermaksud pulangan tahunan anda (keuntungan/kerugian bersih) jika dipegang sehingga polisi matang adalah 0.00% setahun, tidak termasuk sebarang MIB yang anda akan terima.

Nota:

^{*}Premium adalah berdasarkan lelaki bukan perokok, kelas pekerjaan 1, Manfaat Pendapatan Bulanan PRULive Well sebanyak RM8,000, tempoh pembayaran premium selama 20 tahun dan tempoh polisi sehingga ulang tahun polisi pada umur 90 tahun.

^{*}Senario kes adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Apakah Aktiviti Kehidupan Harian (ADL)?

Aktiviti Kehidupan Harian (ADL) adalah tugas asas yang kita lakukan setiap hari untuk menjaga diri kita sendiri. Ini termasuklah aktiviti seperti makan, mandi, berpakaian dan pergerakan.



Pengalihan



Pergerakan



Buang Air/
Penggunaan Tandas



Berpakaian



Mandi/Membasuh



Makan

Paul menghadapi kesukaran untuk melakukan ADL, dia kini memerlukan penjagaan di rumah atau penjagaan jururawat untuk membantu dia mengekalkan keselamatan dan kesihatannya.

Tahukah Anda?

Kos rumah persaraan sebulan boleh berkisar antara **RM4,000 – RM6,000** seorang, bergantung kepada lokasi dan kemudahan yang ditawarkan. Manakala perkhidmatan penjagaan untuk kehidupan dengan bantuan atau rumah persaraan yang lebih mewah boleh mencecah sehingga **RM10,000** sebulan atau lebih.

Murugesan, M. (2024, September 20). #HEALTH: Rising cost of retirement. *New Straits Times*.

Dengan pendapatan bulanan yang dijamin oleh PRULive Well, anda boleh mengekalkan kehidupan anda dengan bantuan penjagaan, menawarkan ketenangan minda semasa tempoh kehilangan upaya.

Nota Penting dan Penafian:

- **PRULive Well** adalah pelan insurans tanpa penyertaan dengan bayaran terhad diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (“PAMB”) 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Premium untuk polisi ini adalah tidak dijamin. Kami berhak:
 - Menyemak premium semasa tempoh pembayaran premium; dan/atau
 - Menyemak premium dan meminta sebarang premium tambahan yang perlu dibayar selepas tempoh pembayaran premium semasa tempoh polisi,

dengan memberi sekurang-kurangnya 90 hari notis terlebih dahulu sebelum ia berkesan pada Ulang Tahun Polisi berikut. Kadar premium untuk **PRULive Well** ditunjukkan dalam laman web korporat Prudential di www.prudential.com.my.

Apabila premium disemak semula atau berlaku permintaan bagi sebarang premium tambahan yang perlu dibayar semasa tempoh polisi, kami juga akan menyediakan anda dengan pilihan untuk membayar premium yang sama atau tidak perlu membayar premium tambahan yang diminta, jika ada, tetapi amaun manfaat dan/atau nilai serahan (yang mana berkenaan) di bawah polisi anda akan dikurangkan.

- Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan **PRULive Well** sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, dan pengecualian-kecualian di bawah polisi ini.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda premium dan cukai (jika ada) yang telah anda bayar, tolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk bayar.
- **PRULive Well** bukan produk patuh Syariah.
- Jika anda tidak dapat membayar premium anda dalam tempoh tangguh selama satu bulan, maka amaun nilai tunai yang ada akan digunakan untuk mendahulukan premium di bawah Skim Pinjaman Premium Automatik pada kadar faedah semasa, seperti yang ditentukan oleh PAMB. Jika nilai tunai tersebut tidak dapat menampung premium yang tertunggak atau hutang lain dengan PAMB, maka polisi anda akan luput.
- Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan digunakan.